

22 OCT 1999

Mahathir-Guru

DR MAHATHIR DEDAH ADA GURU BUAT SOALAN BERUNSUR POLITIK

JITRA, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mendedahkan terdapat guru yang membuat soalan peperiksaan berunsur politik dengan tujuan menghasut pelajar membenci kerajaan.

Perdana Menteri berkata terdapat guru di sebuah sekolah di Kedah yang membuat soalan bagi mata pelajaran matematik mengenai perkara itu.

Soalan itu ialah mengenai pembahagian antara tiga orang, katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini, selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Kedah.

"Soalan itu menyatakan seorang dapat lima peratus, seorang dapat tujuh peratus dan seorang lagi dapat 25 peratus dan kalau Daim dapat sekian banyak dan Mirzan sekian banyak, berapa banyak Jani dapat.

"Jani itu anak sayalah (Mokhzani). Seolah-olah kami tak ada kerja lain, dok (asyik) ambil harta kerajaan saja," katanya.

Tujuan soalan itu ialah untuk membangkitkan perasaan benci murid terhadap kerajaan, katanya.

Dr Mahathir berkata guru sepatutnya mengajar dan membuat soalan berdasarkan fakta sahaja tanpa mencampuradukkan politik.

Katanya mereka sebagai kakitangan awam, sepatutnya menjalankan tugas secara profesional dengan menjalankan segala arahan dan dasar kerajaan semasa.

"Kalau kerajaan semasa yang memerintah itu Barisan Nasional, mereka hendaklah mengikut dasar dan arahan BN. Begitu juga kalau kerajaan semasa itu PAS mereka hendaklah mengikut dasar dan arahan PAS," katanya.

Perdana Menteri berkata kakitangan awam tidak boleh menggunakan kedudukan dan masa bertugas mereka untuk berkempen bagi mana-mana parti politik termasuk BN.

"Soal kakitangan awam sokong kerajaan atau tidak, itu hak mereka. Mereka bebas membuat pilihan ketika mengundi. Mereka boleh mengundi parti kerajaan atau parti pembangkang," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun ketika menjalankan tugas kakitangan awam tidak boleh berkempen walaupun untuk parti kerajaan.

Jabatan Penerangan, katanya tidak berkempen untuk parti kerajaan tetapi berkempen dengan menerangkan dasar-dasar kerajaan.

Beliau berkata tindakan guru itu disifatkannya sebagai tidak amanah dan pengkhianat kerana menyalahgunakan masa mengajar dan pekerjaan sedangkan mereka makan gaji dengan kerajaan.

"Kerajaan cuma hendak guru mengajar fakta sahaja berdasarkan buku teks," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menggunakan peluang yang ia ada untuk berkempen di sekolah.

"Sebab itu pelajar tidak faham tentang sejarah negara ini. Kerajaan tidak hendak menyediakan buku teks mengenai Umno. Cukup sekadar buku teks menyatakan bahawa pemimpin yang menentang Malayan Union ialah Datuk Onn (Jaafar) dan yang mencapai kemerdekaan ialah Tunku Abdul Rahman (Putra Al-Hajj)," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau mempunyai kertas soalan itu sebagai bukti tindakan guru berkenaan dan kertas soalan itu akan diedarkan kepada pihak akhbar nanti.

Beliau berkata bilangan guru yang menabur fitnah terhadap kerajaan ketika mengajar tidak ramai dan gejala itu belum merebak.

Ia juga belum menular di jabatan-jabatan lain sektor awam, katanya.

Perdana Menteri juga mendedahkan ada syarikat milik kerajaan yang membuat pelekat kereta dengan corak seperti parti pembangkang iaitu "bulatan putih keliling hijau".

Beliau berkata tindakan itu menyalahgunakan kemudahan syarikat milik kerajaan untuk tujuan politik.

Mengenai hasil lawatan dua harinya ke Kedah, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan sokongan dan sambutan rakyat terhadap BN.

Kedah, negeri kelahiran Dr Mahathir, merupakan negeri pertama yang dilawatinya dalam pusingan lawatan ke seluruh negara kali ini.

-- BERNAMA

JM NAK